

# Pasir Mas calonkan Mahathir, Ku Li

UM 25 MAR 2000

PASIR MAS 24 Mac — UMNO bahagian Pasir Mas hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai presiden UMNO dan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai timbalan presiden untuk pemilihan parti Meini.

Pada mesyuarat perwakilannya di sini bahagian itu juga mencalonkan Tengku Razaleigh, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Abu Hassan Omar bagi jawatan naib presiden UMNO.

Nama-nama calon berkenaan dicadangkan oleh ketua bahagian Datuk Ibrahim Ali dan disokong oleh Timbalan Ketua Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman.

Bagaimanapun selepas pencalonan ditutup seorang anggota perwakilan dari cawangan Kubang Badak, Hanafi Ibrahim meminta proses pencalonan dibuka semula sambil mencalonkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden.

Pengerusi mesyuarat itu, Abdul

Ghani Daud kemudian mencadangkan dibuat pengundian di kalangan perwakilan bagi menentukan sama ada perlu proses, pencalonan dibuka dan setelah pengundian dibuat majoriti daripada 395 perwakilan yang hadir memilih supaya proses pencalonan kekal ditutup.

Ibrahim ketika ditemui pemberita kemudian berkata, pencalonan Tengku Razaleigh, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, adalah "tidak lebih" sebagai suatu penghormatan kepada beliau kerana sanggup membubarkan Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan menyertai semula UMNO.

Beliau percaya, pencalonan berkenaan tidak akan menjejaskan kedudukan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai calon timbalan presiden.

"Sebagai satu penghormatan tidak salah kita parti keluarga, pemilihan ini hanya (perkara) dalam parti yang saya kira saya tidak akan dihukum kerana mencalonkan Tengku Razaleigh," katanya.

Tengku Razaleigh kini menerima dua pencalonan bagi jawatan Timbalan Presiden, yang kesemuanya dibuat oleh bahagian di Kelantan dan tiga pencalonan bagi Naib Presiden.

Sebelum ini UMNO bahagian Tanah Merah mencalonkan Tengku Razaleigh bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

Bahagian Pasir Mas juga mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai pengerusi tetap UMNO dan Datuk Seri Onn Ismail sebagai timbalannya.

Bagi anggota Majlis Tertinggi (MT), bahagian itu mendalatkan Ibrahim, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Annuar Musa, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, Datuk Dr. Yusof Noor, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Wira Mohd. Ali Rustam, Datuk Mohd. Nazri Tan Sri Aziz, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Dr. Suleiman Mohamed, Datuk Khalid Yunus.